

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 APRIL 2021
KHAMIS



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

BERITA HARIAN

DATUK BANDAR DIBERI KUASA KELUAR KOMPAUN

2



BERITA HARIAN

Datuk Bandar
diberi kuasa *BERITA
HARIAN*
keluar *KHAMIS*
kompaun *15/4/21*
P8-5

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan menurunkan kuasa kepada Datuk Bandar, Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pegawai penguat kuasa PBT Gred 19 ke atas, mengeluarkan kompaun mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, berkata kuasa itu diberi mulai semalam.

Katanya, penurunan kuasa itu berikutan orang ramai tidak patuh prosedur operasi standard (SOP) di bazar Ramadan.

Beliau berkata, melalui kuasa diberikan itu, PBT dapat mengambil tindakan secara terus atas orang ramai yang melanggar SOP di bazar Ramadan atau kesalahan lain mengikut Akta 342.

Ismail Sabri berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) menerima aduan orang ramai mengenai ketidakpatuhan SOP di beberapa bazar Ramadan dan perkara ini dipandang serius kerana penularan COVID-19 masih membimbangkan.

"PBT digesa supaya mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan pelaksanaan SOP yang dikeluarkan oleh MKN dan Kementerian Kesihatan (KKM) dipatuhi sepenuhnya.

"Berkuat kuasa hari ini (semalam), 14 April 2021, KKM menurunkan kuasa mengkompaun kepada datuk bandar, yang dipertua PBT dan pegawai penguat kuasa PBT Gred 19 ke atas, untuk mengkompaun apa-apa kesalan mengikut Akta 342," katanya dalam kenyataan, semalam.

16,696 kes yang masih dirawat

